

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 16 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1432-MQT0822
Datuk Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan dalam menangani isu integriti dan rasuah dalam negara yang kini dilihat lebih tertumpu kepada ekonomi dan kesihatan akibat pandemik COVID-19 serta apakah perkembangan status kesemua inisiatif yang terkandung dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dan adakah usaha daripada Kerajaan untuk memperkemas NACP tersebut dalam menentukan hala tuju baharu setelah hampir 2 tahun pelaksanaannya semenjak dilancarkan pada Januari 2019.

2. PR-1432-MQT0823
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakan Kementerian sedar mengenai kewujudan bangunan-bangunan sekolah di Sabah yang telah diisytiharkan oleh Jabatan Kerja Raya sebagai tidak selamat untuk digunakan seperti bangunan asrama dan flat guru SMK Tun Fuad, Kiulu; dan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan di ambil untuk menanganinya.

3. PR-1432-MQT0814
Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah sebab perubahan had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) daripada RM980 sebulan kepada RM2,208 sebulan dan apakah kesan perubahan ini kepada dasar ekonomi dan sosial Kerajaan.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 16 JULAI 2020, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1432-L09540
Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah tahap kesiapsiagaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi menghadapi kemungkinan berlakunya Pilihan Raya Umum (PRU) dan apakah perkembangan cadangan untuk mengaplikasikan kaedah pengundian secara elektronik (e-undi) dalam pilihan raya sebagai alternatif kepada kaedah konvensional dalam tempoh pasca COVID-19.

2. PR-1432-L09381
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan inisiatif dan strategi memulihkan aktiviti perdagangan dan ekonomi yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19. Nyatakan langkah-langkah segera dan pelan jangka sederhana untuk mencergaskan semula sektor perindustrian, khususnya menarik aliran pelaburan asing ke dalam pelbagai sektor di Malaysia.

3. PR-1432-L09725
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat suku kedua 2020 ini, sejauh manakah perkembangan pelaksanaan Kertas Putih FELDA.

4. PR-1432-L09762
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan rancangan dan insentif untuk membangun serta mengukuhkan industri 'start-up' negara pasca wabak pandemik COVID-19 terutamanya kepada belia yang menceburi bidang ekonomi ini.
5. PR-1432-L09621
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang komitmen penarafan guru-guru KAFA sebagai guru tetap dan berpencen dan jika dalam kajian apakah ada penetapan unjuran dari segi tempoh masa ke arah penarafan tersebut.
6. PR-1432-L09862
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perbandingan pendapatan eksport minyak sawit Januari-Jun 2020 berbanding dengan Januari-Jun 2019. Apakah jangkakan jumlah pendapatan eksport minyak sawit bagi tahun 2020.
7. PR-1432-L09571
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan benarkah dakwaan bahawa kabinet telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh lesen operasi loji pemprosesan nadir bumi Lynas sehingga tahun 2023 dan apakah syarat yang telah ditetapkan oleh Kementerian serta apakah jaminan Kementerian bahawa ianya selamat daripada kesan radiasi.
8. PR-1432-L09436
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengenai Perumahan Awam dan Projek Perumahan Rakyat di Kuala Lumpur:-
 - (a) apakah perancangan penaiktarafan PA/PPR sedia ada agar menjadi lebih selesa dan mesra penduduk ; dan
 - (b) adakah wujud rancangan membangunkan PA kepadatan rendah kepada PA/PPR kepadatan tinggi yang baru dengan kemudahan lebih baik untuk jangka masa panjang.
9. PR-1432-L09702
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah menangani gejala tekanan melampau khususnya dalam kalangan pekerja di sektor awam seperti doktor dalam tempoh kritikal tempoh hari.

10. PR-1432-L09386
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan oleh MITRA pada tahun 2019 bagi tujuan pembangunan sosioekonomi kaum India. Senarai semua pertubuhan yang mendapat peruntukan melebihi RM350,000 daripada MITRA pada tahun 2019. Berapakah peruntukan 2020 yang telah disalurkan, namakan pertubuhan yang menerimanya.
11. PR-1432-L09646
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kemampuan program Insentif Pengeluaran Getah (IPG) untuk meningkatkan pendapatan penoreh getah sejak ia dilaksanakan dan keberkesanan sistem tuntutan IPG dalam talian *e-rubber* dimanfaatkan oleh penoreh getah.
12. PR-1432-L09943
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah Persons Under Investigation (PUI) dan Persons Under Surveillance (PUS) COVID-19 yang dikenakan kuarantin mandatori sehingga kini, mengikut negeri-negeri. Nyatakan butir-butir kos, termasuk bil penginapan hotel, yang ditanggung sehingga kini oleh Kementerian, mengikut negeri-negeri.
13. PR-1432-L09032
Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail [Kulim Bandar Baharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Lembaga Tabung Haji akan mengekalkan subsidi kos mengerjakan haji.
14. PR-1432-L08862
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah polisi Kementerian bagi pembekalan ubat di farmasi hospital Kerajaan untuk diagihkan kepada pesakit. Apakah tempoh masa bagi pengagihan ubat dan siapakah yang layak bagi perkhidmatan penghantaran secara pos.
15. PR-1432-L09466
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan formula yang digariskan Kerajaan dalam menangani gejala '*ethnocentric*' dalam politik dan ekonomi Malaysia

16. PR-1432-L09161
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sebarang perubahan di dalam strategi pemasaran minyak sawit Malaysia selepas pandemik COVID-19 khususnya di sektor Eropah.
17. PR-1432-L09049
Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan membentangkan semula pindaan perlembagaan kepada Perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan bagi mengembalikan status Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi bersama dalam Persekutuan Malaysia.
18. PR-1432-L08809
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi mencapai matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.
19. PR-1432-L09957
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah serta perincian kemasukan Pelaburan Langsung Asing (*Foreign Direct Investment*) ke dalam Malaysia dan Pelaburan Langsung Domestik (*Domestic Direct Investment*) yang telah diluluskan pada tahun 2019 mengikut negeri dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk meneruskan kejayaan tersebut.
20. PR-1432-L09507
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bila Kertas Putih Besi dan Keluli (*Iron and Steel White Paper*) akan dimuktamadkan dan adakah laporan ini akan diberi akses umum. Adakah Kerajaan akan membenarkan pembuat besi dan keluli asing berskala besar yang baru untuk memasuki pasaran domestik dan mengambil pasaran dari pengeluar Malaysia.
21. PR-1432-L09740
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sehingga suku kedua 2020 ini, sejauh manakah perkembangan pelaksanaan Kertas Putih Pertahanan yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 2 Disember 2019 yang lalu.

22. PR-1432-L09695
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perkembangan rancangan membuka kedutaan Malaysia untuk Palestin di Amman, Jordan.
23. PR-1432-L09024
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah SPR secara terperinci untuk mengadakan pendaftaran secara automatik kepada lebih 4.5 juta rakyat yang berumur 21 tahun ke atas namun belum mendaftar sebagai pengundi. Apakah halangan (jika ada) untuk memastikan pendaftaran automatik itu termasuk yang berumur 18 tahun ke atas boleh dimulakan tahun 2020 ini dan sudahkah halangan itu diatasi dan jika belum, mengapa.
24. PR-1432-L09210
Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada kedudukan negara kita dalam Indeks Persepsi Rasuah '*Transparency International*' akan bertambah baik tahun hadapan berserta dengan usaha-usaha Kerajaan ke arah ini.
25. PR-1432-L09829
Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen dan sama ada Kerajaan baru bercadang untuk meneruskan usaha mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen.
26. PR-1432-L09278
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jabatan dan agensi Kerajaan yang tidak mencapai kadar prestasi yang memuaskan dan apakah tindakan yang diambil terhadap mereka dan langkah-langkah untuk memperbetulkan keadaan ini.
27. PR-1432-L10037
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tugas utama Duta Khas Malaysia ke Timur Tengah dan perkembangan terkini hubungan Malaysia dengan negara Timur Tengah tersebut.

28. PR-1432-L09130

Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal akta baru bagi memastikan wakil rakyat yang keluar parti mengosongkan kerusi yang dimenangi demi menyekat masalah melompat parti.

29. **Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sama ada terdapat kajian atau tindakan yang diambil oleh sesetengah pihak terhadap individu-individu tersasar tanpa persetujuan mereka berkenaan dengan kesan pancaran radiasi, elektronik, magnetik atau lain-lain '*No-touch torture projects*' ke atas minda seseorang di Malaysia; dan
- (b) adakah kajian atau tindakan ini diluluskan oleh Kerajaan. Jika tidak, apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan.

30. PR-1432-L09301

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil dan syor-syor dalam laporan interim oleh *Electoral Reform Committee (ERC)* yang telah dikemukakan kepada Perdana Menteri pada Januari 2020 dan adakah Kerajaan akan membuka laporan interim tersebut kepada orang awam supaya maklum balas boleh diperolehi.

31. PR-1432-L09241

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) sama ada semua anggota Kabinet telah mengisytiharkan harta mereka kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam tempoh sebulan yang dijanjikan sebelum ini; dan
- (b) adakah maklumat pengisytiharan harta boleh diakses orang awam.

32. PR-1432-L09995
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelaburan yang dimiliki oleh Tabung Haji yang kini menjadi beban hutang (liabiliti) dan apakah tindakan di peringkat Kementerian.
33. PR-1432-L10055
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah semua Ahli Dewan Rakyat @ BBC Kerajaan telah mematuhi arahan yang dibuat oleh Kementerian untuk mengisytiharkan harta kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Kalau belum apakah tindakan yang akan diambil bagi mereka yang ingkar dengan arahan tersebut.
34. PR-1432-L09973
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah masjid-masjid dan surau yang sudah begitu lama dan usang seperti Masjid Ar-Rahman, Kampung Sungai Lada, Masjid Al-Falah, Kampung Bukit Kalam, Masjid Abu Bakar, Kampung Bebuloh, Surau Nur Hidayah, Kampung Batu Arang, Surau Al-Munawarah, Kampung Patau-Patau 1, Surau Darussalam, Kampung Patau-Patau 2, Masjid Nur Imam, Kampung Ganggarak, Masjid Adam, Kampung Lajau, Masjid Kampung Ranche-Ranche, Surau Kampung Bukit Kuda, Surau Kampung Nagalang dan Surau Kampung Kilan akan dapat dibuat.
35. PR-1432-L08803
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha dilaksanakan bagi memperkukuhkan lagi jaringan kerjasama pertahanan dengan negara-negara jiran yang bersempadan dengan perairan Sabah seperti Filipina dan Indonesia, bagi menangani isu jenayah rentas sempadan, penculikan dan memperdagangkan manusia.
36. PR-1432-L09889
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah keputusan dari siasatan SPRM berkaitan isu GATCO Negeri Sembilan di mana kes telah disiasat pada September 2017 tetapi sehingga hari ini masih tiada tindakan mahkamah.

37. PR-1432-L10000
Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status kes denggi mengikut negeri yang melanda negara kita dan apakah punca berlaku kenaikan mendadak akhir-akhir ini. Seterusnya apakah tindakan pihak Kementerian dalam membasmi penyakit denggi daripada terus meningkat. Adakah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilancarkan tempoh hari merupakan antara penyumbang kepada peningkatan kes denggi di beberapa lokaliti di negara kita.
38. PR-1432-L09266
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa bilangan depoh ataupun 'Rumah Merah' di Sabah, jumlah tahanan terkini di setiap depoh dan berapakah perbelanjaan setahun untuk mengurus tahanan tersebut.
39. PR-1432-L09260
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan pelabuhan POIC Lahad Datu yang baru mendapat kelulusan sebagai '*legal landing place*' akan terus berkembang dan maju sehingga menjadikan realiti potensinya menjadi '*the Rotterdam of the East*'.
40. PR-1432-L09513
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan untuk menjelaskan peletakan jawatan Jalil Rasheed, mantan CEO PNB dan apakah tanda yang akan diberikan ini kepada anak muda Malaysia yang bekerja di luar negara yang ingin kembali berkhidmat untuk negara.
41. PR-1432-L09284
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bentuk insentif dan pengecualian cukai yang ditawarkan untuk menarik pelaburan domestik dan antarabangsa, terutamanya dalam kalangan industri yang mempunyai nilai, teknologi dan impak yang tinggi.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Ketiga, Parlimen Yang Keempat Belas."

Menyambung semula perbahasan atas masalah (15 Julai, 2020)

- | | | |
|----|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 37/2019) Rang Undang-Undang Racun (Pindaan) 2019
[Menteri Kesihatan] | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R 42/2019) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2019
[Perdana Menteri] | " |
| 4. | (D.R. 25/2019) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019
[Perdana Menteri] | " |
| 5. | PR-1432-UL064
Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] akan mencadangkan :- | |

"BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 86(5), maka Penyata Jawatankuasa Pilihan yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai Kertas DR.10 Tahun 2019 hendaklah diterima dan dipersetujui."

6. PR-1432-U(27)116
Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa usul kewarganegaraan. Menyedari hakikat bahawa terdapat pelbagai pengakuan melalui sesi-sesi pendengaran awam oleh pelbagai Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen tentang penglibatan mereka dalam pemberian kad-kad pengenalan secara haram di Sabah dan menerima laporan pelbagai kajian di Sabah yang mendapati pengakuan responden pernah membayar pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran sebagai sogokan untuk mengeluarkan kad-kad pengenalan secara haram dan menerima hakikat bahawa terdapat kadar pertumbuhan yang sangat luar biasa di negeri Sabah yang dengan sendirinya membuktikan bahawa adanya pemberian kad-kad pengenalan secara haram dan rasuah. Dan menerima hakikat bahawa Ketua Audit Negara Tahun 2018 telah melaporkan bahawa terdapat 100,000 pelancong daripada negara China dan India yang datang ke negara ini tetapi didapati tidak ada rekod balik ke negara asal. Dan demi untuk membersihkan daftar penduduk warganegara Malaysia di Sabah maka Dewan Yang Mulia ini dengan ini membuat keputusan bahawasanya kad-kad pengenalan yang ada sekarang hendaklah ditukar dengan kad pengenalan yang baru di mana setiap penduduk yang mempunyai kad pengenalan hendaklah memohon untuk mendapatkan kad pengenalan yang baru ini dengan menggunakan dokumen-dokumen seperti surat atau sijil beranak yang sah. "

[Perdana Menteri]

7. PR-1432-U(27)114
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 63 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan dan memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU 14."

[Menteri Perpaduan Negara]

8. PR-1432-U(27)115
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"Bahawa mencadangkan Kerajaan memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

9. PR-1432-U(27)119

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan dari mana diperoleh peruntukan mengurus dan merangsang ekonomi semasa pandemik COVID-19 hingga sekarang yang berjumlah lebih dari RM250 bilion itu. Ini adalah kerana peruntukan ini melebihi kemampuan kewangan negara yang dianggarkan sekitar RM200 bilion sahaja. Kerajaan Pakatan Harapan dahulu pula menyatakan bahawa kedudukan kewangan Kerajaan adalah kritikal dengan hutang negara melebihi RM1 trilion."

[Menteri Kewangan]

10. PR-1432-U(27)120

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya merancang pembinaan jeti Kuala Perlis yang baru kerana pada masa ini jeti tersebut mengalami mendapan yang tinggi (6 meter setahun) dan telah mengganggu kelancaran perjalanan feri-feri penumpang, kapal-kapal kargo dan bot-bot ikan yang mana telah menjejaskan ekonomi negara. Pembinaan jeti ini dicadang dibina 3km dari muara Kuala Perlis yang juga boleh berfungsi sebagai halangan kepada kemasukan penyeludup-penyeludup dan pendatang asing tanpa izin. Jeti ini juga boleh berfungsi sebagai sempadan di lautan."

[Menteri Pengangkutan]

11. PR-1432-U(27)121

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membuka semula '*Free Flow 2KM*' di sempadan Wang Kelian Perlis bagi menjana perkembangan ekonomi yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2008. Semasa adanya "*Free Flow*" ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand."

[Menteri Dalam Negeri]

12. PR-1432-U(27)122

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap kedudukan pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia dan telah luput tarikh visa lawatan mereka, berapa jumlah mereka yang telah tamat tempah visa lawatan, apakah usaha-usaha untuk menjejaki mereka dan berapa jumlah mereka yang telah dihantar pulang ke negara masing-masing serta berapa pula yang masih berada dalam negara."

[Menteri Dalam Negeri]

13. PR-1432-U(27)123

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memberi penjelasan terhadap Kapal *Coast Guard* China yang berlabuh di Beting Patinggi Ali sejak tahun 2013 lagi di mana kawasan tersebut merupakan kawasan perairan Malaysia yang memberi implikasi bahawa satu pencerobohan telah berlaku keatas kedaulatan negara di samping menjejaskan aktiviti-aktiviti cari gali minyak dan juga perikanan rakyat kita. Ia juga memberi implikasi sebuah negara besar sedang membuli negara kita."

[Perdana Menteri]

14. PR-1432-U(27)124

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya Akta Pengangkutan Jalan (APJ 1987) dipinda bagi membolehkan pesalah-pesalah pemandu mabuk yang memandu di bawah pengaruh alkohol atau dadah dan menyebabkan kematian agar dimasukkan klausa memberi hukuman setimpal seperti hukuman mati jika telah menyebabkan kematian."

[Menteri Pengangkutan]

15. PR-1432-U(27)126

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya satu peraturan baru diperkenalkan bagi menangani dan mengawal aktiviti pembalakan di negeri-negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Pembalakan yang tanpa kawalan telah menyebabkan bencana alam yang sering terjadi saban tahun seperti hakisan tanah, banjir dan ketidakseimbangan kepada ekosistem negara."

[Menteri Tenaga Dan Sumber Asli]

16. PR-1432-U(27)127

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya diwujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan mencukupi serta membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru."

[Menteri Pertanian Dan Industri Makanan]

17. PR-1432-U(27)128

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi membolehkan dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

[Menteri Pendidikan]

18. PR-1432-U(27)125

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengisytiharkan kadar pengangguran semasa yang dijangka akan mencecah sehingga 5% dari jumlah tenaga kerja dan apakah perancangan-perancangan khusus Kerajaan bagi menangani kadar pengangguran yang agak tinggi ini. Dengan kadar pengangguran yang tinggi ini ditambah pula dengan jumlah golongan B40 yang juga tinggi boleh memberikan implikasi yang tidak sihat pada ekonomi negara."

[Perdana Menteri]

19. PR-1432-U(27)117

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan meneliti serta mengkaji suatu kaedah baru untuk meningkatkan keselamatan kad pengenalan serta pasport antarabangsa agar ianya tidak mudah untuk sedikit melakukan pemalsuan dokumen tersebut. Menurut laporan yang dikeluarkan Ketua Audit Negara 2018 (Siri 2) bulan Disember 2019 terdapat lebih 100 ribu orang warga asing tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam negara. daripada laporan audit tersebut terdapat seramai 76,258 orang pelancong China dan 39,806 orang pelancong India tiada rekod keluar dari Malaysia dan masih berada dalam Malaysia. Dengan kebanjiran warga asing tanpa kawalan dan penjualan dokumen MyKad serta Sijil Kelahiran, membuatkan keselamatan negara berada dalam keadaan yang amat merbahaya."

[Menteri Dalam Negeri]

20. PR-1432-U(27)118

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa agar Kerajaan menghantar pulang semua pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pekerja asing berdokumen yang telah tamat tempoh ke negara masing-masing bagi menjamin peluang pekerjaan yang melibatkan rakyat tempatan. Sebelum ini Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) telah mengeluarkan kenyataan bahawa majikan-majikan di negara ini bakal mengurangkan tenaga pekerja sebanyak 50 peratus, justeru keutamaan bagi mengekalkan tenaga kerja perlu tertumpu ke arah pekerja tempatan. Berdasarkan Akta Pekerja 1955, jika berlaku sebarang pengurangan tenaga pekerja oleh pihak majikan, perkhidmatan pekerja asing yang harus ditamatkan terlebih dahulu dan majikan harus mendahului keperluan pengekalan tenaga kerja tempatan. Bagi mengisi kekosongan pekerjaan yang ditinggalkan pekerja asing, Kerajaan perlu mendaftarkan semula tenaga kerja tempatan untuk mengisi kekosongan tersebut dengan pekerja-pekerja tempatan yang telah diberhentikan kerja oleh majikan-majikan dari negara luar seperti Singapura semasa tempoh COVID-19. Langkah Kerajaan menghantar pulang PATI dan pekerja asing ke negara masing-masing adalah tepat kerana tindakan itu bukan sahaja dapat menjamin peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan, bahkan dapat mengawal penularan wabak COVID-19 daripada tidak terkawal."

[Menteri Sumber Manusia]

21. PR-1432-U(27)129

Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Langkawi untuk mencadangkan suatu usul iaitu menurut Peraturan Mesyuarat 26(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), dalam Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, mengemukakan resolusi untuk membuat ketetapan bahawa Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Yassin sebagai Ahli Yang Berhormat Pagoh tidak mempunyai keyakinan majoriti Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat."

[Perdana Menteri]

22. PR-1432-U(27)132

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberi kebenaran kepada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Pasir Puteh untuk mencadangkan ucapan setinggi-tinggi tahniah atas perlantikan Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin, Ahli Parlimen Pagoh, sebagai Perdana Menteri Malaysia Yang Ke-8 dan menyatakan kepercayaan penuh terhadap kepimpinan beliau dan berikrar akan memberikan kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada beliau bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya."

[Perdana Menteri]

23. PR-1432-U(27)131

Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawasanya Dewan ini, mengalu-alukan dan menyanjung tinggi serta mengucapkan tahniah atas pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8;

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlah lagi kepemimpinan dan menonjolkan keupayaan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang dihormati, penyayang serta perihatin terhadap rakyat;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang gemilang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat negara ini dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah mencetuskan idea dan menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta berjanji memberi komitmen, kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan penuh terhadap YAB Ahli Parlimen Pagoh selaku Perdana Menteri Malaysia; dan

Dengan ini, bahawasanya Dewan ini berdiri teguh serta menyokong sepenuhnya pelantikan dan kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8."

[Perdana Menteri]

24. PR-1432-U(27)130

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(1) dibaca bersama Peraturan Mesyuarat 27(3), Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut :

Bahawanya Dewan ini mengalu-alukan pelantikan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-8 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah;

Bahawasanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menunjukkan kemampuan kepimpinan yang amat cemerlang dalam menangani pandemik COVID-19 yang melanda negara ini serta memberikan komitmen yang tinggi terhadap kebajikan rakyat dengan melaksanakan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN);

Bahawanya YAB Ahli Parlimen Pagoh telah menggerakkan pemulihan ekonomi negara yang terkesan akibat pandemik COVID-19 dan mengambil tindakan yang tepat melalui inisiatif di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA);

Bahawasanya pelantikan ini akan menyerlahkan lagi kepimpinan YAB Parlimen Pagoh sebagai pemimpin negara dengan ciri dan gaya kepimpinan yang penyayang, prihatin dan dihormati rakyat;

Dengan ini, semua Ahli Dewan Rakyat mengambil ketetapan dan berikrar serta memberikan kesetiaan yang tidak berbelah-bagi dan kepercayaan sepenuhnya terhadap kepimpinan YAB Ahli Parlimen Pagoh sebagai Perdana Menteri."

[Perdana Menteri]

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)

<u>TAHUN 2020</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST. 2	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia Bagi Tahun 2018	16 Julai 2020
ST. 3	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara Bagi Tahun 2018	16 Julai 2020
ST. 7	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2018	16 Julai 2020
ST. 14	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Bagi Tahun 2018	16 Julai 2020
ST. 18	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Pendidikan Sultan Idris Bagi Tahun 2018	16 Julai 2020
ST. 19	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Bagi Tahun 2018	16 Julai 2020
ST. 28	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (PBPP) Bagi Tahun 2018	16 Julai 2020

****UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 16.07.2020 (Khamis)	1. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	1. Kanak-kanak Palauh minta sedekah di bandar-bandar utama di Sabah	1. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
2. 16.07.2020 (Khamis)	2. YB Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)	2. Peruntukan Untuk Pembangunan Tentera di Bukit Bendera	2. YB Menteri Pertahanan

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**